



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 13/2021**

**KEPERLUAN MEMAKLUMKAN KEPUTUSAN PIHAK BERKUASA NEGERI  
DALAM PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN KEPADA PEMOHON**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2021**

## © Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

### Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 13/2021
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

### Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

# PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 13/2021

## Keperluan Memaklumkan Keputusan Pihak Berkuasa Negeri Dalam Permohonan Pemberimilikan Kepada Pemohon

### TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah berhubung keperluan memaklumkan keputusan permohonan pemberimilikan tanah kepada pemohon.

### PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Selaras dengan subseksyen 79(2) Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [*Akta 828*], Pihak Berkuasa Negeri akan memutuskan perkara-perkara yang berikut bilamana pemberimilikan tanah diluluskan kepada mana-mana orang atau badan:

- (a) kawasan yang diluluskan untuk pemberimilikan atau (dalam kes tanah yang dikehendaki diukur) kawasan yang diluluskan buat sementara;
- (b) tempoh yang tanah itu hendak diberi milik;
- (c) bentuk hakmilik muktamad di bawah mana tanah itu akan dipegang pada akhirnya;
- (d) kadar sehektar atau lain-lain unit keluasan yang kurang atas mana sewa yang akan dikenakan kepadanya harus dikira;
- (e) persoalan sama ada apa-apa premium hendaklah dikenakan dan, jika sedemikian, kadar sehektar atau lain-lain unit keluasan yang kurang atas mana ia harus dikira;
- (f) persoalan sama ada (seperti yang dibenarkan oleh subseksyen 52(5) ) tanah itu hendak diberi milik bebas dari mana-mana kategori penggunaan tanah dan, jika tidak, kategori yang akan dikenakan (melainkan jika telah ditetapkan oleh suatu pemberitahuan yang mempunyai kuatkuasa berhubung dengan tanah itu dibawah subseksyen (2) seksyen itu); dan
- (g) syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan (jika ada) yang hendak dikenakan.

3. Penentuan hasil-hasil tanah yang perlu dibayar oleh pemohon kepada Pihak Berkuasa Negeri selepas kelulusan permohonan pemberimilikan tanah diberikan adalah dinyatakan dalam borang 5A dan ianya perlu dimaklumkan oleh Pentadbir

Tanah kepada pemohon selaras dengan subseksyen 81(2) *Akta 828*. Kewajipan untuk memaklumkan perkara-perkara yang disenaraikan dalam perenggan 2 (a) –(g) di atas yang selaras dengan subseksyen 79(2) *Akta 828*, tidak diperuntukkan dalam peruntukan undang-undang. Walau bagaimanapun, sebagai satu tanggungjawab tadbir urus yang baik, adalah dinasihatkan kepada semua Pentadbir Tanah untuk memaklumkan syarat-syarat kelulusan permohonan pemberimilikan sepertimana di perenggan 2 (a)-(g) bersama penyampaian notis 5A kepada pemohon. Perkara ini adalah penting bagi membolehkan pemohon mengetahui apakah syarat-syarat kelulusan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan dituntut melalui notis 5A.

4. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan untuk memaklumkan keputusan permohonan pemberimilikan tanah kepada para pemohon yang tidak diluluskan pemberimilikan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Perkara ini adalah penting bagi mengelakan tohmahan atau kecurigaan oleh pihak pemohon yang tidak menerima apa-apa keputusan permohonan pemberimilikan mereka.

## **PEMBATALAN**

13. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 20 Tahun 1974 (Disemak 2007) bertajuk Menyampaikan Keputusan Pihak Berkuasa Negeri Mengenai Kelulusan Permohonan Pemberimilikan Tanah adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

14. Pekeliling ini perlu dibaca bersama Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 14 Tahun 1977 bertajuk Rekod Pengeluaran Dan Penyerahan Notis-notis dan Bilangan 1 Tahun 2013 bertajuk Panduan Memproses Permohonan Pemberimilikan Tanah.

15. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.6 (16)

Tarikh : 21 Disember 2021